

**NO. SOALAN : 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**

**TARIKH : 3 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 56**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan aduan-aduan daripada OKU berkenaan masalah yang dihadapi dalam menggunakan kemudahan yang disediakan di perhentian pengangkutan awam seperti kerosakan lif, bilik tandas OKU yang terkunci, dan ketiadaan bantuan untuk menyediakan 'ramp' mudah alih di stesen kereta api.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan OKU sentiasa diambil perhatian dan diberi penekanan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang diurussetiakan oleh Kementerian Pengangkutan. Melalui jawatankuasa ini juga, Kementerian Pengangkutan melaksanakan audit aksesibiliti yang melihat secara khusus keperluan-keperluan OKU seperti tandas, lif, laluan OKU dan berkaitan keselamatan OKU. Teguran audit akan dikemukakan kepada pihak operator yang terlibat untuk tujuan penambahbaikan dan mereka perlu memberikan maklumbalas kepada Jawatankuasa Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan juga dalam proses menyediakan satu garis panduan standard utk menyantuni golongan OKU di lokasi pengangkutan awam.